

08/01/2001

Perbincangan tanpa syarat lebih terbuka

KUALA LUMPUR, Ahad - Pemimpin pembangkang tidak harus meletakkan sebarang syarat jika mahu perbincangan antara Umno, Pas dan Keadilan mengenai perpaduan Melayu menjadi kenyataan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, perbincangan akan lebih terbuka jika semua pihak tidak mengenakan sebarang syarat untuk duduk berbincang.

"Jika kita terbuka dan jujur untuk mencapai kata sepakat walaupun berbeza parti politik, kita tidak perlu ada prasyarat atau terpaksa tertakluk kepada apa-apa keadaan.

"Kita patut datang (berbincang) dan menentukan orang Melayu di negara ini walaupun berbeza dari segi politik, ia tidak terjejas dengan perkara negatif atau boleh membawa ketidakstabilan," katanya dalam sidang akhbar di Wisma Putra, hari ini.

Beliau yang mengadakan rumah terbuka sempena Aidilfitri di pekarangan Wisma Putra mengulas mengenai keputusan Pas mahu perbincangan mengenai perpaduan Melayu, menjurus kepada kepentingan nasional, bukan untuk satu kaum saja.

Menerusi syarat baru itu, Pas mencadangkan perbincangan diadakan di Parlimen berdasarkan format delegasi supaya lebih banyak pandangan dan cadangan dapat didengar.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dilaporkan berkata, skop perbincangan pula mestilah lebih luas sejajar dengan konsep negara pelbagai kaum.

Syed Hamid berkata, sebarang perbincangan membabitkan tiga parti utama Melayu akan secara langsung membabitkan perpaduan kebangsaan kerana perpaduan dan kestabilan negara banyak bergantung kepada keutuhan orang Melayu.

Mengenai tindakan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu), beliau berkata, sebahagian daripada rayuan yang tidak digugurkan itu sudah terkandung dalam pelaksanaan dasar kerajaan.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, pula berkata keputusan Pas itu menggambarkan parti berkenaan cuba lari daripada isu sebenar perbincangan berkenaan diadakan.

"Pas tidak harus mengalihkan tumpuan. Isu sebenar perpecahan orang Melayu disebabkan beberapa sebab sehingga pasangan yang berkahwin terpaksa menikah semula dan sembahyang dua imam," katanya.

Muhammad berkata, perbincangan segera perlu diadakan kerana perpecahan yang wujud pada pelbagai peringkat sekarang disebabkan oleh orang Melayu sendiri.

Di KUANTAN, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata, tidak wajar bagi Pas mengenakan apa-apa syarat memandangkan Barisan Nasional sebagai kerajaan yang memerintah tidak pun mengadakan sebarang syarat.

"Kalau perbincangan berkaitan soal perpaduan, kepentingan dan keselamatan negara serta kepentingan bersama, tidak harus ada syarat kerana yang penting ialah mesej dan perjuangan kita yang tidak pernah putus apabila kita kaitkan dengan perpaduan," katanya kepada pemberita pada majlis Hari Raya anjuran Umno bahagian Paya Besar.

Katanya, apa yang penting ialah supaya rakyat hidup dalam keadaan sejahtera dan aman serta wujud kestabilan dalam negara.

"Jadi kalau perkara seperti adanya syarat yang boleh jadi remeh dan atau menjejaskan perjalanan kita ke arah perpaduan, ia (syarat) harus ditolak,"

kata beliau.

Di KOTA BHARU, Ketua Penerangan Umno Kelantan, Prof Madya Mohd Noor Deris berkata, Pas sepatutnya menyedari dasar Islam yang tidak menggalakkan umatnya meletakkan pelbagai syarat dalam menyelesaikan sebarang kekusutan.

"Kalau benar-benar ikhlas mahukan perpaduan di kalangan Melayu atau rakyat terbanyak, kita tak perlu masukkan apa-apa syarat tambahan kerana apa yang penting ialah penyelesaian terhadap permasalahan.

"Apabila Pas letak syarat tambahan, parti lain seperti Umno dan Keadilan juga boleh berbuat demikian dan keadaan itu boleh membawa kepada timbulnya polemik lain mengenai pertembungan syarat.

"Jika itu berlaku, sudah pasti agenda perpaduan sesama Melayu tidak dapat diselesaikan dan pergeseran baru pula yang dibangkitkan... perkembangan ini tidak sihat sama sekali untuk semua pihak, khususnya umat Islam," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Di BUKIT MERTAJAM, Keadilan akan hanya bersetuju untuk menyertai perbincangan mengenai isu perpaduan di kalangan masyarakat negara ini, jika ia turut disertai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Tetapnya, Abdul Rahman Abdul Kader berkata, tuntutan itu hasil maklum balas yang diterima di kalangan ahli pada peringkat akar umbi parti berkenaan.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Penanti berkata, berikutan itu adalah wajar untuk kepimpinan tertinggi parti mempertimbangkan permintaan ahli Keadilan itu.

"Jika Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menyertai perbincangan berkenaan, secara logiknya hanya Presiden Umno dan Barisan Nasional (BN) saja yang layak dan setaraf untuk duduk berbincang bersamanya," katanya ketika ditemui pada majlis rumah terbuka Aidilfitri anjuran Presiden Keadilan di rumah Wan Azizah di Cherok Tok Kun, di sini hari ini.

(END)